2014

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

89 Memperkukuh Rangka Kerja Kehematan

96 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

100 Aktiviti Penguatkuasaan

102 *Rencana: Pengurusan Risiko Siber*

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus diperkukuh pada tahun 2014, didorong oleh agenda pembaharuan global dan juga keutamaan dalam negeri. Tumpuan utama langkah pengawalseliaan adalah terhadap pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III bagi sektor perbankan dan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan bagi kumpulan kewangan untuk menyokong penyeliaan bersepadu oleh Bank Negara Malaysia (Bank).

Bank juga telah menyiapkan kajian semula ke atas beberapa piawaian kehematan sedia ada berkaitan pengurusan risiko serta pengawasan dan fungsi kawalan lain untuk terus membimbing dan meningkatkan piawaian amalan pengurusan risiko sektor kewangan. Ini termasuk memuktamadkan cadangan perubahan terhadap piawaian semasa tadbir urus korporat untuk mengambil pendekatan yang lebih konsisten merentas semua institusi kewangan berlesen dan mengukuhkan lagi keberkesanan lembaga pengarah. Rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan pembangunan (IKP) juga sedang diperkukuh untuk menyokong dengan lebih baik mandat khusus institusi tersebut dalam menggalakkan pertumbuhan yang lebih inklusif secara berterusan. Untuk tujuan ini, Bank bekerjasama rapat dengan Kementerian-kementerian yang berkaitan, dan kini pada peringkat akhir perumusan cadangan pindaan ke atas Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada separuh pertama tahun 2015.

Pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III dan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan bagi kumpulan kewangan merupakan bidang tumpuan utama pada tahun 2014

Pada bulan November 2014, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) dan Kumpulan Asia Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (Asia Pacific Group on Money Laundering, APG) menyiapkan penilaian berhubung dengan pematuhan Malaysia kepada Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan (International Standards on Combating Money Laundering and the Financing of Terrorism and Proliferation). Penilai tersebut mendapati pengaturan institusi di Malaysia adalah baik bagi penyeliaan risiko pencegahan pengubahan wang haram atau pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) dalam sektor perbankan dan insurans.

MEMPERKUKUH RANGKA KERJA KEHEMATAN

Pengawalseliaan kumpulan kewangan

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) memperkenalkan peruntukan penyeliaan kumpulan kewangan bagi memastikan risiko yang ketara daripada aktiviti seluruh kumpulan dapat diurus dan dikawal dengan berkesan. Di bawah undang-undang baharu ini, syarikat pemegangan kewangan (financial holding companies, FHC), yang ditakrifkan sebagai entiti tertinggi kumpulan kewangan yang bukan institusi berlesen, dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Bank. FHC juga dikehendaki mematuhi piawaian kehematan peringkat kumpulan yang berkaitan. Bank telah mengenal pasti 16 syarikat yang layak menjadi FHC. Pada akhir bulan Januari 2015, sepuluh syarikat diluluskan sebagai FHC, termasuk lapan yang dikenal pasti sebelum enakmen FSA dan IFSA. Baki enam syarikat lagi telah mengemukakan permohonan dan dijangka mendapat kelulusan Bank menjelang akhir tahun 2015. Pertimbangan utama dalam meluluskan sesuatu FHC adalah sama ada pengawasan pada peringkat tersebut akan memberikan kepada Bank, maklumat yang mencukupi mengenai risiko yang ketara di seluruh kumpulan yang mungkin boleh menjejaskan institusi berlesen dalam kumpulan itu. Bagi kumpulan kewangan milik asing, Bank turut mempertimbangkan setakat mana pergantungan boleh diberikan kepada penyeliaan bersepadu yang dibuat oleh pengawal

selia negara asal yang berwibawa. Jika pengaturan sebegini dapat diwujudkan, penyeliaan secara persendirian terhadap institusi berlesen di Malaysia yang berada dalam kumpulan itu adalah mencukupi.

Sepuluh syarikat telah diluluskan sebagai FHC pada akhir bulan Januari 2015 dan enam syarikat lain dijangka mendapat kelulusan Bank menjelang akhir tahun 2015

Set pertama piawaian kehematan yang sedang dibangunkan ialah rangka kerja modal untuk kumpulan perbankan. Susulan pelaksanaan piawaian modal yang lebih tinggi bagi institusi perbankan di bawah pembaharuan Basel III pada tahun 2013, Bank mengemukakan satu kertas perbincangan pada bulan Oktober 2014, yang menggariskan matlamat untuk meluaskan rangka kerja kecukupan modal sedia ada bagi institusi perbankan kepada kumpulan perbankan yang diterajui oleh FHC. FHC dari sesebuah kumpulan perbankan akan dikehendaki untuk menilai, memantau dan mematuhi keperluan modal secara bersepadu pada peringkat kumpulan. Objektifnya adalah untuk memastikan sesebuah kumpulan itu mempunyai modal yang mencukupi untuk menyokong risiko yang timbul daripada institusi kewangan yang dikawal selia dan juga entiti yang tidak dikawal selia. Ia juga bertujuan mengurangkan leveraj yang dikaitkan dengan penggearan modal pelbagai (multiple gearing of capital) yang boleh menyebabkan kecukupan modal kumpulan dilaporkan secara berlebihan dan meningkatkan risiko penularan dalam kumpulan itu. Di samping itu, pelaksanaan piawaian modal seluruh kumpulan akan meningkatkan kebolehbandingan (comparability) antara nisbah modal dinyatakan bagi kumpulan perbankan yang diterajui oleh FHC dengan kumpulan perbankan yang diterajui bank berlesen. Ini seterusnya akan menambah baik keadaan disiplin pasaran yang berkesan.

Bank telah menerima maklum balas untuk mengkaji semula syarat bagi instrumen modal yang diterbitkan oleh anak syarikat perbankan supaya mengandungi pencetus penyerap kerugian pada peringkat kumpulan (group-level loss absorbency triggers). Pada masa ini, instrumen modal layak yang diterbitkan boleh diubah kepada ekuiti atau dihapus kira dalam kejadian pencetus tertentu, seperti apabila modal jatuh di bawah tahap yang telah ditetapkan, atau apabila bank diisytiharkan sebagai tidak berdaya maju. Dengan memasukkan pencetus penyerap kerugian peringkat kumpulan ini, instrumen modal sedemikian boleh juga diubah atau dihapus kira jika pencetus ini terjadi pada peringkat kumpulan kewangan. Bank akan terus mengkaji isu-isu ini seiring dengan lebih banyak kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan pelan pemulihan dan penyelesaian (termasuk dalam konteks merentas sempadan) untuk kumpulan kewangan. Bank juga akan mengambil langkah selanjutnya berhubung dengan: (i) impak akan datang daripada langkah memasukkan pencetus peringkat kumpulan kepada keupayaan bank untuk memperoleh pendanaan yang mampu menyerap kerugian; dan (ii) peranan pencetus peringkat kumpulan dalam memperluas risiko penularan kumpulan yang disebabkan oleh syarikat gabungan yang tidak dikawal selia. Bank dijangka mengeluarkan piawaian muktamad pada tahun 2015, manakala pematuhan kepada keperluan modal kumpulan minimum dijangka berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Piawaian mudah tunai

Usaha meningkatkan piawaian mudah tunai sebagai sebahagian daripada pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III telah disempurnakan pada tahun 2014. Berikutan tempoh rundingan selama dua bulan, Bank akan menerbitkan piawaian muktamad Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) pada bulan Mac 2015. Peraturan baharu ini akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut rancangan masa pelaksanaan global seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Garis Masa Pelaksanaan LCR

Tahun	1 Jun 2015	1 Januari 2016	1 Januari 2017	1 Januari 2018	1 Januari 2019 dan berikutnya
Keperluan LCR minimum	60%	70%	80%	90%	100%

Piawaian baharu ini akan menggantikan Rangka Kerja Mudah Tunai (Liquidity Framework, LF) yang digunakan sejak tahun 2000. Seperti LF, LCR menghendaki sesebuah institusi perbankan mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk bertahan selama 30 hari apabila menghadapi kejutan mudah tunai. Walau bagaimanapun, LCR memperbaik andaian aliran tunai dengan mencerminkan kemungkinan senario kejutan mudah tunai yang lebih teruk, seperti yang dialami semasa krisis kewangan global yang lalu. Meskipun sebahagian besar daripada piawaian LCR adalah selaras dengan peraturan Basel III, piawaian itu telah mengambil kira pelbagai ciri struktur dan tingkah laku sistem kewangan di Malaysia, dan juga maklum balas daripada industri. Ini terutamanya relevan bagi pengelasan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA). Di bawah peraturan Basel, terdapat tiga peringkat HQLA, iaitu aset Peringkat 1, Peringkat 2A dan Peringkat 2B – dengan aset Peringkat 1 sebagai aset paling berkualiti. Dalam menentukan skop HQLA di bawah piawaian LCR, Bank telah mempertimbangkan saiz dan kedalaman pasaran bagi instrumen yang layak, dan juga kecairan aset. Berdasarkan analisis terhadap faktor-faktor ini, Bank telah menggunakan pengolahan yang lebih konservatif bagi pengiktirafan bon korporat bertaraf `AA´ dan bertaraf `A´ sebagai HQLA. Bagi bon korporat bertaraf `A´, pengiktirafan hanya terhad kepada bon korporat bukan ringgit yang mendapat penarafan antarabangsa. Perkara ini diimbang balas (counterbalanced) oleh potongan lebih rendah yang digunakan dalam keadaan yang terhad bagi kategori HQLA tertentu, seperti sekuriti bersandarkan gadai janji harta kediaman berkualiti tinggi yang diterbitkan Cagamas MBS Berhad.

Piawaian LCR juga mentakrifkan pengolahan akaun pelaburan Islam. Selaras dengan reka bentuk keseluruhan rangka kerja LCR, dana akaun pelaburan diberikan kadar ketirisan (run-off rates) berdasarkan kestabilan relatif dana tersebut. Penunjuk kestabilan termasuk kewujudan ciri kontrak (seperti syarat penebusan), ciri kecairan aset sandaran dan jenis pemegang akaun pelaburan. Pendekatan yang digunakan dalam piawaian LCR mencerminkan pengolahan mudah tunai akaun pelaburan seperti yang dicadangkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pada bulan Oktober 2014.

Bank juga mengesahkan beberapa langkah lain, termasuk pengiktirafan rizab berkanun sebagai aset Peringkat 1 dan kriteria kelayakan bagi pengecualian deposit berjangka dalam pengiraan LCR bank.

Berdasarkan data pemerhatian sebelum ini, institusi perbankan dijangka dapat memenuhi tahap minimum interim pertama LCR sebanyak 60% dengan agak mudah. Sebanyak 30 daripada 54 institusi perbankan telahpun melaporkan tahap LCR melebihi 100%. Bank terus memantau rapi impak piawaian LCR ke atas pasaran kewangan dan keadaan kredit, khususnya dalam persekitaran semasa pasaran kewangan yang semakin tidak menentu dan persaingan lebih sengit untuk mendapatkan deposit daripada saluran simpanan dan pelaburan alternatif. Bank telah mempergiat penyeliaannya ke atas institusi perbankan yang perlu mengambil langkah yang lebih substantif dalam persediaan untuk mematuhi LCR sepenuhnya pada tahun 2019. Bank akan menganalisis impak kumulatif langkah yang diambil oleh setiap institusi dengan tujuan mengenal pasti dan mengurangkan sebarang akibat yang tidak diingini.

Piawaian LCR baharu akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan akan dilaksanakan secara berperingkat sepanjang tempoh empat tahun

Tadbir urus korporat

Penambahbaikan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko terus menjadi tumpuan utama Bank pada tahun 2014. Pada tahun itu, Bank telah menyiapkan kajian semula secara umum terhadap rangka kerja tadbir urus korporat bagi institusi kewangan. Walaupun institusi kewangan telah mencapai kemajuan yang besar dalam meningkatkan amalan tadbir urus korporat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, namun penting bagi amalan industri untuk terus berkembang supaya dapat mengambil kira operasi yang lebih kompleks. Inovasi pasaran, pengembangan merentas sempadan dan konglomerat kewangan yang semakin bertambah, merupakan pemacu utama bagi keadaan yang lebih kompleks ini. Berdasarkan pemerhatian penyeliaan, perbincangan dan interaksi dengan pihak industri dan iktibar daripada krisis kewangan global, kajian semula tersebut mengenal pasti beberapa

bidang yang boleh mendapat manfaat daripada pencerahan yang lebih jelas dan keperluan yang diperkukuh untuk membantu lembaga pengarah berfungsi dengan lebih berkesan. Bank bercadang mengeluarkan kertas konsep pada separuh pertama tahun 2015 yang akan menggariskan cadangannya untuk meningkatkan kualiti amalan tadbir urus korporat dalam sektor perbankan dan insurans.

Kertas konsep ini akan memperkenalkan takrifan yang lebih komprehensif bagi pengarah bebas dan keperluan untuk menambah perwakilan dari kalangan pengarah sedemikian dalam lembaga pengarah institusi kewangan. Kertas ini juga akan menjelaskan pandangan Bank berhubung dengan penglibatan eksekutif kumpulan dalam lembaga pengarah sesebuah institusi kewangan. Jika didapati keupayaan seseorang eksekutif kumpulan untuk mengawasi tindakan pengurusan secara objektif terhalang, yang disebabkan oleh pelaksanaan tanggungjawab pengurusan kumpulan (contohnya, disebabkan pembabitan secara langsung dalam pembuatan keputusan pengurusan yang memberi kesan kepada institusi kewangan), maka eksekutif kumpulan itu akan tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan bagi bilangan pengarah eksekutif yang boleh diwakili dalam lembaga pengarah. Bank juga sedang berusaha mendapatkan maklum balas lanjut bagi pendekatan untuk menguatkuasakan had tempoh perkhidmatan bagi pengarah bebas.

Piawaian semakan itu juga akan digunakan terhadap FHC yang diluluskan oleh Bank. FHC dikehendaki mematuhi piawaian yang sama untuk lembaga pengarah dan pengurusannya yang bertanggungjawab untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan kawalan kumpulan kewangan. Cadangan ini memperjelas kehendak Bank dalam situasi apabila institusi kewangan ingin memanfaatkan struktur tadbir urus berpusat yang ditubuhkan oleh FHC. Keperluan ini bertujuan mengekalkan fokus yang jelas mengenai kemantapan pengurusan setiap institusi berlesen dalam kumpulan, di samping menggalakkan pandangan bersepadu mengenai risiko di seluruh kumpulan kewangan dan merentas negara di tempat mereka beroperasi.

Pengurusan risiko dan kawalan dalaman

Untuk memperlengkap piawaian menyeluruh tadbir urus risiko yang dikeluarkan pada tahun 2013, Bank telah berusaha untuk menggariskan kehendak-kehendaknya mengenai kawalan utama dan norma budaya dalam bidang berisiko tinggi yang boleh mendedahkan institusi kewangan kepada kerugian kewangan atau penjejasan reputasi. Pada bulan September 2014, Bank telah mengadakan perbincangan dengan pihak industri mengenai cadangan untuk meningkatkan piawaian amalan pematuhan dalam sektor kewangan. Ini berlaku dalam keadaan industri kewangan sedang menghadapi persekitaran pengawalseliaan yang lebih mencabar. Selain piawaian kehematan dan amalan pasaran yang berkembang sejajar dengan risiko yang baru timbul, pelaksanaan perundangan baharu untuk persaingan, perlindungan data dan cukai juga telah meningkatkan dengan nyata kewajipan pematuhan institusi kewangan.

Cadangan piawaian pematuhan tersebut menangani keperluan institusi kewangan untuk mewujudkan program pematuhan yang berkesan bagi memantau dan memastikan institusi memenuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Bank menghendaki program sedemikian mencerminkan tanggungjawab utama bahagian perniagaan untuk mengurus risiko pematuhan yang berpunca daripada operasi perniagaan. Institusi kewangan juga dikehendaki mewujudkan fungsi pematuhan, yang dikendalikan oleh ketua pegawai pematuhan, yang akan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan secara kerap mengenai keadaan pematuhan keseluruhan dan pelbagai isu pematuhan penting yang memberikan kesan kepada institusi. Satu matlamat penting piawaian pematuhan adalah untuk memastikan lembaga pengarah institusi kewangan melengkapi fungsi pematuhan dengan kuasa, sumber dan pengawasan yang mencukupi supaya mereka dapat memainkan peranan dengan berkesan dan mengelakkan kegagalan pematuhan yang melibatkan kos yang besar. Bank dijangka mengeluarkan piawaian muktamad pada separuh pertama tahun 2015.

Fungsi pematuhan perlu diberikan kuasa, sumber dan pengawasan yang mencukupi supaya dapat berfungsi dengan berkesan

Bank juga berusaha ke arah memuktamadkan piawaian pengurusan risiko operasi.

Kebimbangan mengenai risiko operasi telah meningkat sejak sedekad yang lalu berikutan pertumbuhan pesat institusi kewangan, selain pergantungan yang lebih pada teknologi serta pertambahan hubungkaitan dengan sistem kewangan yang lebih luas melalui pelbagai saluran, termasuk perkhidmatan perkongsian dan infrastruktur pasaran. Piawaian ini menghendaki institusi kewangan mempunyai proses yang lebih mantap dan sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko kerugian akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau daripada insiden yang di luar kawalan institusi tersebut. Institusi kewangan hendaklah menunjukkan bahawa kawalan atas risiko operasi adalah setara dengan saiz dan tahap operasi institusi. Dalam hal ini, peserta pasaran kewangan yang aktif dan institusi kewangan yang besar dikehendaki mewujudkan fungsi kawalan risiko operasi dan jawatankuasa kecil khas dalam setiap bahagian perniagaan dan fungsi yang penting. Ini menunjukkan kepelbagaian yang besar dalam sifat risiko operasi yang berkemungkinan boleh terlepas pandang dengan mudah dalam perniagaan yang besar dan kompleks. Bank dijangka mengeluarkan piawaian muktamad pada separuh pertama tahun 2015.

Bank juga telah melancarkan ORION, yang merupakan sistem pemantauan risiko operasi, untuk menyokong pelaksanaan piawaian. Institusi kewangan dikehendaki melaporkan kejadian yang mengakibatkan kerugian kewangan, insiden-insiden risiko operasi dan hasil analisis senario berdasarkan kemungkinan bencana risiko operasi yang besar. Pengumpulan data berkualiti tinggi yang berterusan akan menyokong analisis trend risiko operasi dalam industri dengan lebih baik.

Penyumberan luar

Usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memperoleh lebih fleksibiliti dalam mengurus perubahan perniagaan telah membawa kepada penyumberan luar yang lebih meluas oleh institusi kewangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Institusi kewangan semakin banyak melakukan penyumberan luar untuk pelbagai proses dan fungsi dalamannya kepada syarikat gabungan dan pihak ketiga di Malaysia dan luar negara. Ini didorong keinginan untuk memberikan tumpuan yang lebih pada aktiviti perniagaan teras dan memanfaatkan sinergi kumpulan dan peluang lain untuk mendapatkan perkhidmatan dan teknologi terbaik yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, jika tidak diurus dengan berkesan, pengaturan penyumberan luar boleh meningkatkan risiko kepada institusi kewangan. Ini termasuk risiko yang dikaitkan dengan kehilangan atau salah guna data pelanggan dan kelewatan atau jurang dalam akses kepada maklumat yang boleh menghalang keupayaan sesebuah institusi untuk memantau dan mengawal dedahannya kepada risiko. Satu kebimbangan utama Bank juga ialah keupayaannya untuk mengesahkan bahawa institusi kewangan telah memenuhi kewajipan pengawalseliaan mereka bagi fungsi yang dilaksanakan oleh pihak ketiga. Dengan terlalu bergantung pada pihak lain, terutamanya dalam konteks kumpulan kewangan yang wujud kesalingbergantungan yang kompleks, boleh menghalang usaha untuk memulihkan semula fungsi perniagaan kritikal atau resolusi institusi kewangan secara teratur.

Memandangkan pengaturan penyumberan luar yang lebih meluas dalam sektor kewangan, Bank memutuskan untuk mengkaji semula rangka kerja kehematan sedia ada berhubung dengan aktiviti penyumberan luar bagi institusi kewangan. Bank akan mengeluarkan kertas konsep pada separuh kedua tahun 2015, yang akan mengemas kini dan menggabungkan keperluan khusus sesuatu sektor yang sedia ada kepada satu set piawaian yang ditambah baik. Penambahbaikan utama dalam cadangan piawaian penyumberan luar termasuk: (i) menjadikan pengaturan penyumberan luar tertentu yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan yang penting bagi sesebuah institusi tertakluk kepada kelulusan penyeliaan; (ii) proses yang lebih baik perlu diwujudkan untuk mengenal pasti fungsi perniagaan kritikal dan yang memerlukan usaha wajar yang dipertingkat ke atas bakal penyedia perkhidmatan; dan (iii) keperluan bagi institusi kewangan untuk merangka dan menguji pelan luar jangka sebagai persediaan untuk penamatan pengaturan penyumberan luar secara tiba-tiba. Walaupun Bank mengakui manfaat daripada penyumberan luar melalui sinergi kumpulan, namun piawaian ini akan menyatakan had operasi bagi pengaturan penyumberan luar. Ini bagi memastikan setiap institusi berlesen di Malaysia akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pematuhan peraturan tempatan. Pada masa hadapan, semua perjanjian penyumberan luar juga perlu memasukkan peruntukan yang menjamin kesinambungan perkhidmatan sekiranya institusi kewangan berkenaan gagal.

Perjanjian mesti menjelaskan dengan nyata mengenai keupayaan Bank untuk mengakses sebarang maklumat yang ada pada penyedia perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti penyumberan luar.

Piawaian sedang ditingkatkan untuk memastikan keupayaan institusi kewangan memantau dan mengawal risiko yang timbul daripada pengaturan penyumberan luar secara berkesan, tidak akan terjejas

Had ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga

Had ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga (limit on exposures to single counterparties, SCEL) merupakan komponen penting rangka kerja kehematan. Objektifnya adalah untuk melindungi institusi perbankan daripada menanggung kerugian yang besar akibat kemungkiran secara tiba-tiba oleh sesuatu rakan niaga. Pada bulan Julai 2014, SCEL telah disemak untuk membolehkan institusi perbankan mengekalkan had dedahan sehingga 50% daripada jumlah modal (dan bukan lagi 25%) kepada entiti perbankan yang berkaitan tertakluk kepada kelulusan Bank terlebih dahulu. Seperti yang lazimnya di banyak negara, pengolahan ini memberikan lebih fleksibiliti untuk menampung dedahan jangka pendek dalam kumpulan, yang mungkin timbul dalam penyampaian produk dan perkhidmatan kewangan sebagai sebahagian daripada model operasi kumpulan. Untuk meluluskan had yang lebih tinggi, Bank akan mempertimbangkan sama ada: (i) terdapat sekatan undang-undang atau sekatan praktikal yang mungkin boleh menghalang sesuatu entiti perbankan berkaitan daripada memindahkan sumber modal atau membayar balik liabiliti kepada institusi perbankan; (ii) entiti perbankan yang berkaitan tertakluk kepada peraturan kehematan dan penyeliaan yang secukupnya di negara asal dan mematuhi rangka kerja yang bersamaan dengan SCEL pada peringkat kumpulan; dan (iii) Bank mempunyai akses yang tepat pada masanya kepada maklumat relevan dengan entiti perbankan yang berkaitan untuk tujuan penyeliaan.

Susulan muktamadnya rangka kerja penyeliaan Jawatankuasa Basel untuk mengukur dan mengawal dedahan besar pada bulan April 2014, Bank mungkin mempertimbangkan pelarasan selanjutnya terhadap rangka kerja SCEL selepas penelitian yang lebih terperinci dibuat ke atas piawaian global dan implikasinya jika digunakan dalam konteks sistem perbankan Malaysia.

Rangka kerja pengawalseliaan bagi kewangan Islam

Pada tahun 2014, Bank mencapai lebih banyak kemajuan dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah.

Setakat ini, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank telah meluluskan parameter Syariah untuk lapan kontrak, iaitu *murabahah*, *mudarabah*, *musyarakah*, *wadi´ah*, *bai´´inah*, *ijarah*, *tawarruq* dan *hibah*. Parameter Syariah bagi empat kontrak lain, iaitu *istisna´*, *wakalah*, *kafalah* dan *wa´d* akan dikaji semula oleh MPS pada awal tahun 2015. Berikutan itu, Bank akan mengeluarkan piawaian operasi untuk memastikan produk yang distrukturkan mengikut kontrak tersebut mematuhi keperluan tadbir urus, pengurusan risiko, dokumentasi, penzahiran dan amalan pasaran yang mantap. Bank telah mengeluarkan piawaian operasi muktamad bagi *murabahah* pada tahun 2014, dan dijangka memuktamadkan piawaian operasi bagi *musyarakah*, *mudarabah*, *ijarah* dan *istisna´* pada separuh pertama tahun 2015. Perundingan dengan pihak industri bagi piawaian yang berkaitan dengan *tawarruq*, *wadi´ah*, *hibah*, *bai´´inah*, *kafalah*, *wakalah* dan *wa´d* akan diadakan pada tahun 2015.

Pelaksanaan piawaian operasi ini akan memperluas rangkaian produk kewangan Islam yang ditawarkan, meningkatkan ketelusan dan ketekalan aplikasi kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan Islam, dan memastikan pematuhan menyeluruh kepada prinsip Syariah.

Pada bulan Mac 2014, Bank telah mengeluarkan piawaian muktamad untuk menggalakkan pengurusan akaun pelaburan Islam yang mantap. Tidak seperti deposit, institusi kewangan Islam tidak menjamin pembayaran balik prinsipal bagi akaun pelaburan Islam. Walau bagaimanapun, institusi kewangan Islam masih mempunyai tanggungjawab untuk membuat pengawasan yang kukuh ke atas pengurusan pelaburan ini dan memastikan pematuhan kepada prinsip Syariah. Institusi kewangan Islam juga dikehendaki

menyediakan pengaturan pengurusan risiko yang mencukupi bagi memastikan tugas fidusiari dilaksanakan mengikut mandat pelaburan yang dipersetujui dengan pelabur. Piawaian ini juga menetapkan keperluan minimum bagi urusan yang saksama untuk melindungi pelabur dan juga keperluan penzahiran untuk membantu pelabur membuat penilaian terhadap ciri dan prestasi pelaburan mereka. Institusi kewangan Islam telah mula memindahkan akaun pelanggan sedia ada kepada akaun deposit atau akaun pelaburan seperti dikehendaki oleh IFSA. Usaha ini dijangka selesai pada bulan Jun 2015. Sebagai sebahagian daripada proses ini, pelanggan akan diberikan maklumat produk deposit alternatif yang mematuhi IFSA untuk mereka terus kekalkan dana mereka dalam akaun tersebut, atau membuat pilihan untuk melabur dalam akaun pelaburan.

Pelaksanaan piawaian operasi bagi produk berasaskan kontrak Syariah meningkatkan ketekalan penggunaan kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan Islam dan memastikan pematuhan menyeluruh terhadap prinsip Syariah

Rangka kerja kehematan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful

Satu keperluan kehematan yang penting bagi penanggung insurans dan pengendali takaful ialah penyediaan laporan keadaan kewangan (financial condition report, FCR) oleh aktuari dilantik. FCR berfungsi untuk memberikan pandangan kritikal kepada lembaga pengarah mengenai perubahan dalam persekitaran operasi dan profil risiko penanggung insurans atau pengendali takaful. Laporan itu juga merupakan sumber penting sebagai nasihat bebas kepada lembaga pengarah tentang pilihan yang ada untuk mengurangkan ancaman yang telah dikenal pasti terhadap kedudukan kewangan penanggung insurans atau pengendali takaful. Keperluan untuk menyediakan FCR diperkenalkan kepada penanggung insurans hayat pada tahun 2006 dan seterusnya diperluas kepada penanggung insurans am pada bulan April 2014. Bank telah menerbitkan kertas konsep pada bulan Disember 2014 dengan cadangan untuk menambah baik ketepatan masa laporan itu, dan untuk menggantikan peraturan preskriptif dengan pendekatan yang lebih berasaskan prinsip bagi menjalankan ujian kesolvenan dinamik (dynamic solvency testing) oleh aktuari dilantik. Penambahbaikan ini bertujuan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menjadi lebih responsif kepada keadaan yang menjejaskan perniagaan mereka dan supaya keadaan tersebut digambarkan dalam parameter ujian tekanan dan senario yang digunakan untuk menjalankan ujian kesolvenan.

Polisi sertaan merupakan kelas perniagaan yang penting dalam sektor insurans hayat di Malaysia. Polisi ini memberikan peluang kepada pemegang polisi untuk turut mendapat keuntungan daripada dana insurans, biasanya melalui pengagihan bonus yang ditentukan oleh penanggung insurans. Perniagaan ini telah berkembang pesat dalam beberapa tahun yang lalu, mencakupi 64% daripada jumlah premium yang dikumpulkan oleh penanggung insurans hayat antara bulan Januari hingga September 2014. Memandangkan penggunaan budi bicara oleh penanggung insurans yang ketara dalam menentukan pengagihan bonus dan kepelbagaian amalan penanggung insurans dalam menggunakan budi bicara ini, Bank menganggap adalah penting untuk menangani jangkaan terhadap pengurusan perniagaan hayat sertaan bagi melindungi kepentingan pemegang polisi. Ini telah membawa kepada kajian semula piawaian pengurusan polisi hayat sertaan dan diikuti oleh terbitan kertas konsep pada bulan November 2014.

Cadangan Bank menyatakan bahawa saranan aktuari dilantik kepada lembaga pengarah mengenai pengagihan bonus perlu disokong oleh kajian sokongan bonus yang wajar. Aktuari dilantik juga perlu mengambil kira jangkaan pemegang polisi dan menilai pematuhan penanggung insurans hayat kepada keperluan pengawalseliaan bagi pengurusan dana insurans. Penanggung insurans perlu mengambil kira pengolahan yang saksama bagi pemegang polisi dalam mengumpulkan polisi untuk tujuan menjalankan kajian sokongan bonus dan dalam pengurusan estet dana. Kertas konsep ini juga mencadangkan penzahiran ditambah baik bagi bahan promosi jualan dan pemasaran serta penyata polisi tahunan. Ini bagi memastikan pemegang polisi tidak membuat jangkaan yang tidak munasabah

berhubung dengan pembayaran manfaat yang tidak dijamin. Bank kini sedang dalam proses mengkaji maklum balas yang diterima daripada industri dan dijangka menerbitkan piawaian muktamad pada pertengahan tahun 2015.

Penambahbaikan laporan keadaan kewangan bertujuan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menjadi lebih responsif kepada keadaan yang menjejaskan perniagaan mereka

Pindaan terhadap AIKP

Sejak enakmennya pada tahun 2002, AIKP telah meletakkan asas bagi rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang komprehensif untuk IKP. Hal ini telah memastikan mandat pembangunan yang diberikan kepada IKP oleh Kerajaan dapat dilaksanakan secara mampan dari segi kewangan.

Sejajar dengan perubahan terhadap undang-undang perkhidmatan kewangan, Bank telah memulakan kajian semula terhadap AIKP lantas menghasilkan penerbitan draf pindaan rang undang-undang untuk perbincangan pada bulan Oktober 2014. Fokus draf rang undang-undang ini adalah pada pembaharuan dalam lima bidang, iaitu: (i) meningkatkan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko IKP; (ii) mengukuhkan mandat setiap IKP dalam menyediakan perkhidmatan kepada segmen sasaran dalam ekonomi negara; (iii) menggalakkan kecekapan operasi yang lebih tinggi; (iv) meningkatkan pematuhan kepada prinsip Syariah; dan (v) mengukuhkan peruntukan bagi penguatkuasaan dan intervensi penyeliaan yang berkesan. Pindaan yang dicadangkan adalah berpandukan ciri-ciri utama FSA dan IFSA serta bertujuan untuk terus mengukuhkan keupayaan dan keyakinan terhadap IKP dalam menggalakkan pertumbuhan yang inklusif. Pindaan ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada separuh pertama tahun 2015.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Rangka kerja AML/CFT

Rejim AML/CFT yang berkesan melindungi integriti sistem kewangan dengan mencegah unsur jenayah daripada dipergunakan untuk mendapatkan manfaat daripada hasil aktiviti haram. Selain menyumbang kepada aspirasi negara untuk mengurangkan jenayah seperti digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan, rejim yang berkesan itu juga boleh meningkatkan keyakinan domestik dan antarabangsa terhadap institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia. Bank, sebagai Pihak Berkuasa Berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA) dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC), memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pelbagai inisiatif pada peringkat kebangsaan untuk memperkukuh rejim AML/CFT di negara ini. NCC telah melaksanakan beberapa inisiatif utama pada tahun 2014. Ini termasuk membuat pindaan kepada AMLA, mewujudkan Penilaian Risiko Negara (National Risk Assessment, NRA) dan merangka Pelan Strategik AML/CFT Negara. Inisiatif-inisiatif ini memastikan langkah yang wajar diambil pada peringkat kebangsaan untuk menangani bidang yang menimbulkan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) yang ketara, dan memastikan langkah-langkah ini disokong oleh pelaksanaan berkesan rangka kerja perundangan dan pengawalan yang kukuh.

Sejak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan telah menyediakan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang komprehensif untuk membanteras jenayah kewangan. Pada tahun 2014, AMLA telah dipinda untuk memperkukuh keperluan pengawalseliaan, memperjelas selanjutnya kewajipan institusi pelaporan dan memperluas kuasa agensi penguatkuasaan undang-undang. Penalti yang dikenakan jika sabit kesalahan telah dinaikkan dengan nyata – kesalahan pengubahan wang haram kini membawa hukuman penjara sehingga 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai hasil jenayah atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi. Skop kesalahan berat juga diperluas bagi meliputi kesalahan yang dinyatakan di bawah undang-undang lain seperti Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Kanun Keseksaan dan Akta Imigresen 1959/63. Peluasan ini dibuat berikutan usaha penilaian berterusan oleh NCC bagi memastikan

kesalahan berat yang disenaraikan di bawah AMLA adalah komprehensif untuk menghadapi ancaman ML/TF yang timbul di Malaysia. AMLA yang dipinda mula berkuat kuasa pada 1 September 2014.

Pada bulan Jun 2014, NCC juga telah menyiapkan NRA, iaitu proses yang dimulakan sejak tahun 2012 untuk mengenal pasti kelemahan utama dan ancaman ML/TF merentas pelbagai sektor di negara ini. Penemuan daripada NRA sangat penting dalam membangunkan strategi AML/CFT dan akan menjadi panduan bagi menentukan peruntukan sumber, serta kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti. Ahli NCC dan institusi-institusi pelapor telah dimaklumkan mengenai hasil utama NRA melalui beberapa siri taklimat.

NRA telah mengenal pasti lima jenis jenayah yang menimbulkan ancaman pengubahan wang haram tertinggi, dan empat sektor yang paling terdedah kepada risiko ML/TF (Jadual 3.2 dan Jadual 3.3). NRA akan dikaji semula secara berkala bagi memastikan ia terus mencerminkan landskap risiko ML/TF semasa. Satu kajian semula terhadap tahap ancaman bagi pembiayaan keganasan akan dilaksanakan pada tahun 2015 untuk mengambil kira rumusan `Kertas Putih Mengenai Ancaman Keganasan daripada Kumpulan *Islamic State*´ yang diterbitkan Kerajaan pada bulan November 2014.

Berdasarkan penemuan NRA, satu Pelan Strategik AML/CFT Negara telah dibangunkan oleh NCC untuk menangani ancaman dan kelemahan yang dikenal pasti pada peringkat kebangsaan. Teras utama pelan ini termasuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai risiko ML/TF dan meningkatkan keupayaan penyiasatan anggota penguatkuasa. Pelan ini juga merangkumi usaha untuk mempertingkatkan kerjasama dalam negeri dan antarabangsa serta memastikan pematuhan kepada keperluan pengawalan dan penyeliaan melalui penguatkuasaan yang berkesan. Pada bulan November 2014, Malaysia telah melalui proses Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) yang dijalankan berdasarkan Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan oleh FATF dan APG. Cadangan dan jurang yang dikenal pasti semasa proses ME akan dimasukkan dalam pelan strategik untuk terus mengukuhkan usaha negara membanteras risiko ML/TF.

Pelan Strategik AML/CFT Negara telah dibangunkan untuk menangani ancaman dan kelemahan utama pada peringkat kebangsaan

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia telah diberikan status Pemerhati oleh FATF pada tahun 2014. Ini merupakan langkah ke arah mendapatkan keahlian penuh, bergantung

Jadual 3.2

Tahap Ancaman Pengubahan Wang Haram bagi Jenayah yang Berbeza

Jenis jenayah	Tahap ancaman
Penipuan	Tinggi
Pengedaran dadah	
Rasuah dan sogokan	
Penyeludupan	
Jenayah berkaitan cukai	
Pembiayaan keganasan	Sederhana
Jenayah terancang	
Pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran	
Pemalsuan	
Mencuri dan merompak	
Pemalsuan mata wang	

Jenis jenayah	Tahap ancaman
Eksploitasi seks	Rendah
Penjualan senjata secara haram	
Pemalsuan dan cetak rompak produk	
Perdagangan orang dalam dan manipulasi pasaran	
Pembunuhan	
Jenayah alam sekitar	
Peras ugut	
Penculikan	
Lanun laut	

Jadual 3.3

Kelemahan Sedia Ada Sektor Perniagaan Berbeza Terhadap Risiko Pengubahan Wang Haram

Sektor kewangan	Tahap kelemahan
Perbankan (termasuk BSN, Bank Rakyat dan Agro Bank)	Tinggi
Pengurupan wang	
Perkhidmatan pengiriman wang bukan bank	
Pengurusan dana dan amanah saham	Sederhana
Perbankan luar pesisir	
Pengambilan deposit bukan bank	
Pembrokeran saham	Rendah
Insurans hayat	
Pemberian pinjaman wang	
Kad bukan bank	
Wang elektronik	
Institusi kewangan pembangunan (SME Bank, Bank Pembangunan dan EXIM Bank sahaja)	

Sektor bukan kewangan	Tahap kelemahan
Kasino	Tinggi
Peguam	Sederhana
Syarikat amanah luar pesisir	
Setiausaha syarikat	
Ejen harta tanah	
Syarikat amanah tempatan	
Perjudian	Rendah
Penjual barang kemas	
Akauntan	
Pajak gadai	
Notari Awam	

pada keputusan proses ME yang akan diketahui pada tahun 2015. Keahlian FATF bukan sahaja menunjukkan komitmen negara yang tinggi untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, bahkan mencerminkan persekitaran perniagaan yang selamat di Malaysia dan menyediakan platform penting untuk memajukan inisiatif integrasi kewangan dan kewangan Islam.

Pemantauan pematuhan kepada AML/CFT oleh entiti pelapor

Pada tahun 2014, Bank menjalankan pemeriksaan di premis untuk menilai keberkesanan amalan AML/CFT oleh entiti pelapor. Pemeriksaan ini dijalankan ke atas 85 institusi kewangan, 212 pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang dan 15 perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (designated non-financial businesses and professions, DNFBP), yang antara lain termasuk sebuah kasino dan syarikat-syarikat amanah. Pemeriksaan ke atas DNFBP yang beroperasi di Labuan telah dibuat bersama-sama dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Pemeriksaan ini tertumpu pada keberkesanan penilaian usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD), sama ada laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction reports, STR) yang dikemukakan kepada Bank adalah komprehensif, serta keteguhan dan kecukupan kawalan pengurusan risiko. Penyelia Bank mendapati pemahaman terhadap risiko ML/TF dan kewajipan AML/CFT dalam kalangan entiti pelapor semakin mendalam. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa entiti yang menghadapi cabaran untuk memenuhi sepenuhnya keperluan CDD. Cabaran ini merangkumi pelaksanaan keperluan pemilikan benefisial dan juga pengenalpastian individu yang terdedah dari segi politik dalam negeri dan ahli keluarga serta sekutu mereka. Usaha selanjutnya juga diperlukan untuk menangani risiko yang berkaitan dengan pembiayaan keganasan dan percambahan (proliferation), seperti membangunkan `bendera merah´ (`red flags´) yang lebih berkesan untuk mengenal pasti transaksi sedemikian. Melangkah ke hadapan, Bank akan terus mengadakan lebih banyak perbincangan dan interaksi dengan institusi kewangan dan DNFBP. Ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan memudahkan pertukaran maklumat mengenai trend dan pemerhatian ML/TF terkini.

Memandangkan bilangan DNFBP adalah besar (26,569 entiti pada akhir tahun 2014), Bank mengeluarkan soal selidik penilaian kendiri (self-assessment questionnaire, SAQ) untuk memudahkan penyeliaan risiko AML/CFT

dalam sektor terpilih. Pendekatan ini membolehkan Bank menjalankan perbincangan dan interaksi penyeliaan yang lebih intensif dalam bidang yang mempunyai risiko yang lebih tinggi dan dengan sektor yang memerlukan lebih perhatian. SAQ pada mulanya dikeluarkan kepada firma undang-undang pada tahun 2011. Melangkah ke hadapan, Bank akan mengeluarkan SAQ kepada ejen harta tanah, setiausaha syarikat dan syarikat amanah bermula tahun 2015. Tindakan ini akan membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh berhubung tahap pematuhan AML/CFT merentas pelbagai sektor dan juga memberikan spektrum pandangan yang lebih luas daripada responden yang berbeza.

Mengukuhkan industri perniagaan perkhidmatan wang

Industri perniagaan perkhidmatan wang (terdiri daripada perniagaan pengurupan wang, perkhidmatan pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong) merupakan bidang tumpuan penting dalam usaha Bank untuk mengurangkan dedahan kepada risiko pengubahan wang haram. Pada tahun 2014, urus niaga perniagaan perkhidmatan wang yang dijalankan melalui saluran formal terus berkembang. Pengiriman wang ke luar negara berjumlah RM32.1 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 27.8% berbanding jumlah sebanyak RM25.1 bilion pada tahun 2013. Pertumbuhan ini adalah hasil kesedaran orang ramai yang lebih tinggi mengenai kepentingan menggunakan saluran yang sah untuk pengiriman wang, selain penyediaan perkhidmatan pengiriman wang secara mudah alih dan melalui Internet yang lebih meluas. Penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank juga terus menyediakan alternatif yang mudah dan menjimatkan kos berbanding dengan perkhidmatan yang disediakan oleh bank bagi perniagaan kecil membuat pembayaran perdagangan. Alternatif ini turut menyumbang kepada peningkatan penggunaan saluran formal bagi pengiriman wang. Dalam sektor pengurupan wang, urus niaga perniagaan mata wang borong domestik meningkat dengan ketara sebanyak 40.8% kepada RM6.6 bilion. Ini disokong oleh peningkatan dalam saluran pengedaran mata wang borong, khususnya di kawasan yang mempunyai urus niaga pengurupan wang yang tinggi dan aktif. Dalam segmen runcit, jumlah dagangan daripada perniagaan pengurupan wang menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.7% kepada RM52 bilion disebabkan permintaan yang lebih rendah terhadap mata wang asing tertentu, seperti renminbi China pada tahun 2014. Semua pengurup wang berlesen telah menggunakan sistem berkomputer yang berupaya mengumpul dan menyatukan butiran urus niaga pengurupan wang. Pelaksanaan sistem berkomputer akan memudahkan pemantauan berterusan terhadap urus niaga yang mencurigakan.

Sebanyak 12 lesen perniagaan perkhidmatan wang tidak diperbaharui oleh Bank pada tahun 2014 kerana ketidakpatuhan yang ketara terhadap keperluan pengawalseliaan. Sebanyak 24 pemegang lesen lagi menyerahkan lesen mereka secara sukarela disebabkan penggabungan atau pertukaran menjadi ejen bagi pemegang lesen prinsipal yang lebih besar. Ini telah mengurangkan bilangan pemegang lesen dalam industri kepada 426 pada akhir tahun 2014. Walaupun terdapat pengurangan dalam bilangan pemegang lesen, penyediaan perkhidmatan wang kepada orang ramai kekal teragih di merata tempat di seluruh negara. Ini adalah hasil daripada pembukaan cawangan dan pengembangan rangkaian ejen oleh penyedia perkhidmatan wang berlesen yang lebih besar dan lebih kukuh. Pengembangan ini juga membolehkan peserta yang lebih kecil untuk kekal dalam industri, selain dapat memanfaatkan sistem dan kawalan pemegang lesen prinsipal yang lebih besar dalam bidang seperti penyimpanan rekod dan pematuhan AML/CFT.

Urus niaga pengiriman wang keluar yang dijalankan melalui saluran formal terus berkembang, dengan peningkatan sebanyak 27.8%

Kemajuan terus dicapai dalam usaha meningkatkan keberkesanan dasar dan amalan AML/CFT di seluruh industri. Dengan adanya dasar AML/CFT yang dipertingkatkan, terdapat pengendalian CDD yang lebih konsisten dan cara pengenalpastian urus niaga berisiko tinggi yang lebih baik oleh pemegang lesen. Perkembangan ini merintis jalan bagi penggunaan pendekatan berasaskan risiko untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko ML/TF, yang diperkenalkan kepada industri pada bulan Januari 2015. Pada tahun 2014, Bank juga telah mempergiat perbincangan dan interaksi penyeliaan bagi memastikan sistem IT penyedia perkhidmatan wang cukup teguh untuk menyokong keperluan dokumentasi di bawah pendekatan berasaskan risiko.

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (Persatuan) terus memainkan peranan penting dalam menyokong penambahbaikan pelaksanaan oleh industri terhadap program AML/CFT yang berkesan. Ini termasuk penganjuran siri program latihan berstruktur yang intensif dan praktikal untuk mendidik ahli industri mengenai pematuhan kepada keperluan AML/CFT serta manual dan prosedur rujukan. Pada tahun 2014, Persatuan ini bersama-sama dengan Bank dan Bank Dunia telah menganjurkan Persidangan Serantau Perniagaan Perkhidmatan Wang yang dihadiri oleh peserta dari 28 buah negara untuk berkongsi perspektif antarabangsa mengenai perkembangan, trend dan cabaran dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Persatuan ini juga bekerjasama rapat dengan penyedia sistem untuk memastikan solusi sistem IT yang disediakan dirangka sebaiknya bagi membantu pemegang lesen untuk memenuhi kewajipan pematuhan mereka. Tipologi juga sedang dibangunkan oleh Persatuan ini bersama-sama dengan Bank untuk mendidik dan membantu industri memahami dan mengenal pasti risiko ML/TF yang mungkin timbul daripada perniagaan perkhidmatan wang. Persatuan ini juga memainkan peranan penting dalam menerajui inisiatif untuk meningkatkan piawaian pematuhan dan tahap profesionalisme dalam industri. Pada tahun 2014, Persatuan ini telah mengeluarkan kod etika untuk memupuk disiplin pasaran dan memberikan panduan kepada industri tentang tatacara menjalankan perniagaan secara profesional dan beretika.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Mengukuhkan rangka kerja penguatkuasaan
Bank diberikan kuasa penguatkuasaan yang luas di bawah undang-undang yang ditadbirnya untuk memelihara kestabilan dan integriti sistem kewangan. Proses tadbir urus yang teguh memastikan supaya sebarang tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank mempunyai justifikasi yang kukuh, dan proses usaha wajar dibuat secara konsisten merentas pelbagai sektor dan institusi di bawah keadaan yang sama.

Memandangkan kuasa penguatkuasaan yang lebih besar telah diberikan kepada Bank oleh undang-undang yang digubal baru-baru ini (termasuk kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran dan kewangan, mengeluarkan amaran awam dan mengambil tindakan sivil), Bank terus memperkukuh prosedur penguatkuasaannya yang sedia ada di bawah rangka kerja baharu yang diterima pakai pada bulan Januari 2014. Rangka kerja ini ditadbir oleh Jawatankuasa Penguatkuasaan (Enforcement Committee, EC), iaitu badan berkuasa tertinggi untuk membuat keputusan di Bank dalam hal penguatkuasaan. EC dipengerusikan oleh Gabenor dan ahlinya termasuk Timbalan-timbalan Gabenor dan Penolong-penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap pengawalan, penyeliaan, perundangan dan penguatkuasaan. EC membuat keputusan berhubung dengan tindakan penguatkuasaan dalam sesuatu kes yang melanggar undang-undang dan keperluan pengawalseliaan. Sebarang tindakan penguatkuasaan oleh Bank akan berpandukan beberapa faktor, termasuk keberkesanan tindakan penguatkuasaan, kesetaraan tindakan terhadap kesalahan yang dilakukan dan sama ada tindakan-tindakan tersebut dapat mencegah pelanggaran undang-undang yang serupa pada masa hadapan.

Bank terus memantapkan prosedur penguatkuasaan sedia ada di bawah rangka kerja penguatkuasaan baharu yang diterima pakai pada bulan Januari 2014

Rangka kerja penguatkuasaan juga menetapkan cara untuk Bank menentukan jumlah penalti monetari yang dikenakan atas kesalahan melanggar undang-undang. Ini bagi memastikan proses yang konsisten dilaksanakan bagi jenis kesalahan yang serupa. Seperti dikehendaki oleh FSA dan IFSA, Bank menubuhkan Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (Monetary Penalty Review Committee, MPRC) yang ahlinya adalah bebas daripada kuasa eksekutif Bank. MPRC mempertimbangkan rayuan berkaitan dengan kuantum penalti monetari pentadbiran dan remedi kewangan yang dikuatkuasakan oleh Bank. Di bawah undang-undang ini, seseorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Bank boleh memfailkan rayuan kepada MPRC dalam tempoh 21 hari selepas diberitahu mengenai keputusan Bank. Maklumat lanjut mengenai MPRC, termasuk keahliannya dan proses rayuan, boleh didapati di laman sesawang Bank.

Tindakan penguatkuasaan pada tahun 2014
Tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan tepat pada masanya memastikan institusi kewangan beroperasi mengikut undang-undang

dan keperluan pengawalseliaan yang terpakai, manakala pengguna pula dilindungi daripada aktiviti tidak sah yang boleh menyebabkan kerugian kewangan kepada mereka. Pada tahun 2014, sebanyak 1,104 pertuduhan yang dikemukakan oleh Bank telah disabitkan kesalahannya oleh pihak mahkamah. Bank juga memulakan 42 siasatan dan memfailkan 119 pertuduhan jenayah ke atas entiti dan individu yang menjalankan skim dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Selain itu, 536 kesalahan yang melibatkan pemegang lesen telah dikenal pasti kerana ketidakpatuhan kepada undang-undang dan keperluan pengawalseliaan. Jadual 3.4 mengandungi ringkasan tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2014.

Jadual 3.4

Tindakan Penguatkuasaan pada Tahun 2014

Pengambilan deposit secara haram	• Sembilan pertuduhan dibuat di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Banking and Financial Institutions Act 1989, BAFIA) terhadap dua entiti dan enam individu atas kesalahan mengambil deposit secara haram. • 11 pertuduhan disabitkan kesalahan di bawah BAFIA terhadap empat entiti dan lapan individu.
Pengubahan wang haram	• Satu pelucuthakan sivil di bawah S56 (1) AMLA melibatkan jumlah sebanyak RM129,275. • 68 pertuduhan dibuat di bawah S4 (1) AMLA terhadap seorang individu. • 1,083 pertuduhan disabitkan kesalahan di bawah AMLA terhadap tujuh individu.
Penyediaan perkhidmatan wang yang tidak sah	• 27 pertuduhan dibuat di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA) terhadap 26 entiti dan individu kerana penyediaan perkhidmatan pengurupan wang yang tidak sah. • 15 pertuduhan dibuat di bawah MSBA terhadap satu entiti dan tujuh individu kerana penyediaan perkhidmatan pengiriman wang yang tidak sah. • 10 pertuduhan disabitkan kesalahan di bawah MSBA terhadap tujuh entiti dan individu kerana perniagaan perkhidmatan wang yang tidak sah.
Ketidakpatuhan kepada dasar AML/CFT di bawah AMLA dan FSA	• Kompaun berjumlah RM4.37 juta terhadap 11 institusi perbankan. • Kompaun berjumlah RM62,000 terhadap dua institusi pengurupan wang.
Pelanggaran peraturan pentadbiran pertukaran asing	• Kompaun sebanyak RM800,000 terhadap sebuah institusi perbankan atas kesalahan melanggar S214 (2) FSA. • Kompaun sebanyak RM80,000 terhadap sebuah institusi pengurupan wang bagi 40 ketidakpatuhan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Pengurusan Risiko Siber

Teknologi telah memainkan peranan transformatif dalam penyediaan perkhidmatan kewangan dan pembayaran. Selain meningkatkan kecekapan proses, teknologi telah membuka saluran baharu dan berinovatif untuk institusi kewangan memberikan akses dan kemudahan yang lebih baik kepada pengguna. Teknologi juga telah membolehkan institusi kewangan menawarkan dan menguruskan secara berdaya maju rangkaian produk lebih meluas yang berdaya saing serta responsif kepada keperluan pengguna yang berbeza, melalui cara yang tidak mungkin dapat dilakukan sebelum ini. Pelanggan perniagaan dan runcit telah pun menggunakan kemajuan teknologi ini, seperti yang dibuktikan melalui peningkatan berterusan nilai urus niaga perdagangan dalam talian.

Walau bagaimanapun, kemajuan ini memberikan cabaran baharu terhadap pengurusan risiko oleh institusi kewangan. Dengan kebergantungan terhadap teknologi yang semakin meningkat, institusi kewangan menghadapi risiko baharu daripada tindakan berniat jahat oleh penjenayah dan pesalah laku lain. Tindakan ini boleh mengganggu penyediaan perkhidmatan dan juga menggugat kerahsiaan dan integriti data proprietari institusi kewangan serta data pelanggan mereka. Insiden sedemikian boleh menjejaskan reputasi sesebuah institusi kewangan dan boleh melemahkan keyakinan terhadap sistem kewangan.

Kerugian ekonomi global akibat jenayah siber dianggarkan sebanyak kira-kira USD375 bilion setahun[1]. Serangan siber biasanya bermotifkan keuntungan kewangan tetapi juga boleh didorong hasrat ingin menimbulkan gangguan atas tujuan sosial dan politik. Berikutan beberapa insiden keselamatan siber berprofil tinggi dalam sektor kewangan, pengurusan risiko siber telah menjadi perkara yang semakin penting pada peringkat global. Laporan[2] oleh Jawatankuasa Pembayaran dan Infrastruktur Pasaran Bank for International Settlements menekankan sifat risiko siber yang kompleks dan semakin pesat berubah, serta keutamaan yang semakin tinggi diberikan terhadap pengurusan risiko ini secara berkesan. Laporan itu juga mencadangkan pendekatan yang lebih bersepadu bagi mengukuhkan daya tahan siber, yang akan mengurangkan tempoh pemulihan jika berlaku serangan siber, dan pada masa yang sama membolehkan fungsi utama sistem kritikal terus beroperasi. Di Kesatuan Eropah, Jawatankuasa Bersama Lembaga Penyeliaan Eropah juga menggesa pihak berkuasa dan peserta pasaran kewangan supaya memastikan sumber dan perhatian yang mencukupi ditumpukan pada peningkatan daya tahan sistem kewangan terhadap risiko operasi berkaitan dengan IT dan siber.

Bentuk Ancaman Siber


Serangan siber terhadap institusi kewangan kini semakin canggih dan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Tiga ancaman yang biasa berlaku dalam sektor kewangan ialah:

Penafian Perkhidmatan Teragih (Distributed Denial of Service, DDoS) – Dalam serangan DDoS, sistem yang disasarkan akan terjejas akibat aliran trafik yang besar dihalakan untuk menyebabkannya terhenti daripada beroperasi, sekali gus menafikan akses oleh pengguna yang sah. Satu rangkaian komputer yang sudah dikompromi diarahkan membuat permintaan (seperti laman sesawang tertentu) daripada sistem tersebut secara serentak dan berulang (Rajah 1). Pakar menganggarkan bilangan serangan DDoS di seluruh dunia meningkat sebanyak 20% dalam tempoh dua tahun lepas, pada purata hampir 3,000 insiden sehari, dengan 43% daripadanya disasarkan kepada penyedia perkhidmatan kewangan[3]. Beberapa bank global telah mengalami serangan DDoS yang mengganggu akses pelanggan kepada portal perbankan Internet mereka selama beberapa jam atau sehingga beberapa hari pada satu-satu masa, lantas menghalang pelanggan menjalankan urus niaga dalam talian. Meskipun beberapa bank di Malaysia mengalami serangan DDoS pada tahun 2014, namun serangan ini tidak menyebabkan gangguan perkhidmatan yang ketara.

[1] Sumber: `Net losses: Estimating the global cost of cybercrime', laporan oleh Center for Strategic and International Studies.
[2] Sumber: `Cyber resilience in financial market infrastructures', November 2014.
[3] Sumber: Akamai, Arbor Networks.

Gambar Rajah 1

Serangan Penafian Perkhidmatan Teragih (DDoS) Terhadap Laman Sesawang




Sumber: Bank Negara Malaysia

Malware – Serangan *malware* melibatkan penggunaan perisian hasad (malicious software) untuk mengawal atau mengganggu operasi sistem atau peranti sasaran. *Malware* wujud dalam pelbagai bentuk, seperti virus dan cecacing, dan boleh menyebabkan kemudaratan melalui cara yang berbeza. Sejenis *malware* biasa dalam konteks perkhidmatan kewangan ialah penggunaan perisian intip yang dipasang pada mesin hos yang tidak dilindungi untuk mengumpul maklumat tentang pengguna, termasuk butiran akses perbankan Internet, nombor kad kredit, atau maklumat persendirian atau sensitif yang lain. Maklumat ini kemudiannya dihantar semula secara terselindung kepada penggodam untuk tujuan melakukan penipuan atau aktiviti haram yang lain (Rajah 2).

Gambar Rajah 2

Serangan *Malware* Terhadap Peruncit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memancing data (Phishing) – *Phishing* merupakan kegiatan penipuan yang paling lazim. Ia merupakan kegiatan memancing data dengan menggunakan laman sesawang palsu untuk mendorong seseorang pengguna yang tidak menaruh syak wasangka (unsuspecting) supaya mendedahkan maklumat sensitif seperti butiran akses perbankan Internet dan kad kreditnya. Maklumat yang dicuri akan digunakan untuk melakukan pemindahan dana tanpa kebenaran atau melakukan penipuan yang lain.

Penjenayah boleh menggabungkan teknik yang berbeza untuk melancarkan serangan canggih terhadap sistem. Sebagai contoh, *malware* boleh digunakan untuk mengawal sebilangan besar komputer untuk menjalankan serangan DDoS. Serangan seperti itu akan kelihatan seolah-olah dilakukan dari pelbagai sumber yang tidak berkaitan, yang membuatkan usaha pertahanan lebih mencabar. Dengan menggabungkan teknik *malware* dan *phishing*, penjenayah boleh memintas Kod Kebenaran Transaksi (TAC) dan melakukan transaksi perbankan dalam talian secara haram tanpa pengetahuan mangsa.

Serangan siber juga telah dilakukan bersama-sama dengan kegiatan jenayah biasa yang lain. Pada tahun 2014, *malware* telah digunakan untuk mendapatkan akses tanpa kebenaran kepada 18 mesin teler automatik (ATM) dalam premis bank di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Melaka. Dalam insiden ini, penjenayah menyasarkan beberapa ATM yang kurang dikawal dan yang beroperasi menggunakan model lama, lalu mendapatkan akses fizikal kepada komponen dalaman ATM dan kemudiannya memasukkan *malware* ke dalam sistem yang membolehkan ATM tersebut beroperasi. *Malware* ini telah direka khusus untuk mengeksploitasi kelemahan dalam sistem operasi ATM yang sudah lapuk. Ia seterusnya membolehkan penjenayah mengarahkan ATM supaya mengeluarkan wang tunai tanpa apa-apa kebenaran atau pengesahan. Meskipun bank-bank yang terlibat mengalami kerugian sebanyak RM3.4 juta, namun pelanggan tidak terjejas kerana pengeluaran tidak didebitkan daripada mana-mana akaun pelanggan. Bank-bank yang terjejas telah bertindak pantas dengan menaik taraf perkakasan dan perisian ATM ini dan ATM lain yang seumpamanya. Sejak itu, industri perbankan telah mengkaji semula dan melaksanakan amalan pengurusan risiko yang diperbaik serta pelbagai langkah keselamatan fizikal untuk melindungi ATM daripada ancaman seperti itu lagi.

Memandangkan serangan yang dilancarkan menggunakan teknik yang semakin canggih, usaha mengenal pasti dan menjangka ancaman siber dan membangunkan langkah tindak balas yang berkesan terus menjadi cabaran yang kritikal. Ada kalanya, sesebuah organisasi mungkin tidak menyedari bahawa ia menjadi sasaran serangan. Dalam insiden yang dikenali sebagai serangan `hari-sifar' (zero-day), penggodam mengeksploitasi kelemahan yang tidak diketahui oleh sasaran, sehinggakan sasaran tidak mempunyai masa atau peluang untuk menangani kelemahan tersebut. `Ancaman berterusan lanjutan' (advanced persistent threats) juga muncul sejak beberapa tahun kebelakangan ini yang mampu mengekalkan serangan siber secara berulang kali dalam tempoh yang panjang dan dapat disesuaikan dengan usaha untuk menentangnya.

Tindak Balas Industri Dan Pengawalseliaan Terhadap Ancaman Siber

Pada peringkat kebangsaan, inisiatif untuk menangani ancaman keselamatan siber di Malaysia dilaksanakan dan diselaraskan dengan agensi kerajaan lain sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Keselamatan Siber Negara. Di bawah rangka kerja nasional ini, Bank dan institusi kewangan yang dikawal selia dianggap sebagai Infrastruktur Maklumat Kritikal Kebangsaan (CNII), dan oleh itu tertakluk kepada perlindungan yang lebih ketat sebagai mengiktiraf peranan penting mereka kepada negara dan ekonomi. Beberapa inisiatif penting dilaksanakan untuk terus meningkatkan tahap kesediaan siber bagi CNII. Ini termasuk latihan siber tahunan yang menggunakan simulasi senario serangan siber untuk menguji keberkesanan program tindak balas oleh setiap CNII dan kesemua CNII secara kolektif terhadap serangan sistemik. Hasil daripada amalan ini kemudiannya digunakan untuk mengemas kini dan memperbaik tindakan dan strategi tindak balas. Beberapa institusi kewangan telah pun mengambil bahagian dalam latihan siber ini sejak tahun 2009 dan berjaya menamatkan latihan dengan memperlihatkan keberkesanan pelan tindak balas insiden masing-masing dalam mengurus senario serangan siber.

Pada peringkat industri, Pasukan Petugas Perbankan Internet (Pasukan Petugas) yang ditubuhkan oleh Bank dan industri perbankan telah menyokong tindak balas pengawalseliaan yang komprehensif terhadap ancaman keselamatan siber. Pasukan Petugas itu menyediakan forum bagi institusi kewangan berkongsi risikan dan membincangkan isu yang berkaitan dengan perbankan Internet, termasuk keselamatan siber. Melalui Pasukan Petugas ini dan platform yang lain, Bank dan industri

berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan agensi kerajaan yang lain, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, CyberSecurity Malaysia serta Polis Diraja Malaysia. Perbincangan dan interaksi ini membolehkan semua pihak berkepentingan, termasuk syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan Internet, terus mendapat maklumat yang mencukupi tentang perkembangan ancaman terkini dan ancaman yang akan dihadapi oleh sektor kewangan, selain terus menggalakkan amalan terbaik industri berhubung dengan keselamatan perbankan Internet. Sebagai contoh, Pasukan Petugas ini telah memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan ancaman penipuan berasaskan SMS yang tersebar luas beberapa tahun yang lalu. Pasukan Petugas ini berkongsi butiran teknikal dan maklumat tentang modus operandi kegiatan penipuan ini yang membolehkan kelemahan dalam proses sedia ada dikenal pasti dan ditangani, seperti menghendaki pelanggan perbankan Internet tertentu supaya mendaftar sendiri di cawangan. Langkah ini telah membawa kepada penurunan yang ketara dalam kejadian penipuan berasaskan SMS. Dalam kapasitinya sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk menerima dan menganalisis maklumat tentang transaksi yang mencurigakan, Bank juga mengedarkan maklumat risikan kewangan berkaitan dengan individu yang disyaki memudahkan transaksi, serta pemegang akaun *mule*[4] (mule account holder), untuk menyokong siasatan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang dan mengukuhkan usaha bersama dalam memerangi jenayah siber.

Pada peringkat institusi, institusi kewangan terus mempelbagaikan taktik pertahanan dan amalan keselamatan IT untuk menghalang dan bertahan daripada ancaman siber yang bakal dihadapi, termasuk:

- pembahagian zon rangkaian untuk mengawal akses pengguna dan mengehadkan penyebaran apa-apa ancaman yang menembusi rangkaian;
- melaksanakan kawalan tambahan dalam pelbagai lapisan infrastruktur rangkaian (defense-in-depth) supaya kegagalan pada satu langkah kawalan dapat ditampung oleh kawalan dalam lapisan yang lain;
- memasang alat keselamatan rangkaian yang sesuai seperti sistem pencegahan pencerobohan (IPS) dan penggunaan *firewall* yang berlapis-lapis, termasuk *web application firewall* (WAF) untuk menambah baik strategi menangani DDoS ;
- menjalankan penilaian keselamatan yang kerap dan rapi terhadap infrastruktur IT, termasuk ujian penembusan yang ketat. Skop ujian penembusan ini juga telah diperluas untuk melibatkan aplikasi berasaskan peranti mudah alih;
- memastikan pemantauan dan pengawasan keselamatan yang berterusan bagi membolehkan pengesanan awal terhadap pencerobohan; dan
- mewujudkan pasukan tindak balas kecemasan komputer untuk menambah baik masa tindak balas terhadap insiden siber.

Keberkesanan dan ketekalan amalan ini juga sering dikaji semula oleh juruaudit institusi kewangan, dan apa-apa kelemahan yang dikenal pasti segera diketengahkan untuk pembaikan. Namun, pengurusan yang wajar bagi risiko keselamatan siber sebenarnya merupakan tanggungjawab pada peringkat lembaga pengarah. Bank menghendaki lembaga pengarah institusi kewangan supaya memastikan keutamaan dan sumber yang cukup diperuntukkan kepada pengawasan dan pengurusan risiko ini. Sesetengah lembaga pengarah telah pun mencapai kemajuan dalam bidang ini seperti yang dibuktikan melalui perbincangan yang lebih mantap tentang strategi pengurusan risiko dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai aspek keselamatan siber yang lebih teknikal.

Di pihak Bank, pelbagai garis panduan telah dikeluarkan untuk menetapkan piawaian minimum yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan dalam penyediaan perkhidmatan perbankan elektronik dan pengurusan sistem dan rangkaian IT. Dari semasa ke semasa, ini akan disokong oleh panduan tambahan yang diterbitkan oleh Bank untuk menghadapi ancaman tertentu, seperti keperluan terperinci untuk mengukuhkan kawalan keselamatan di kiosk perbankan Internet awam dan

[4] Pihak yang membenarkan akaun bank mereka digunakan oleh penjenayah untuk menyimpan atau memindahkan wang yang diperoleh secara tidak sah.

meningkatkan ketersediaan terhadap serangan DDoS. Bank kini sedang dalam proses mengkaji semula dan mengemas kini piawaian serta panduan pengawalseliaan yang sedia ada untuk terus memantapkan piawaian keselamatan IT di seluruh sektor kewangan, serta meningkatkan pertahanan dan tindak balas industri terhadap ancaman siber yang berubah-ubah. Objektif utama piawaian baharu yang akan dikeluarkan pada tahun 2015 adalah untuk:

- mengukuhkan tadbir urus bagi keselamatan siber dalam institusi kewangan;
- memastikan fokus strategik dan sumber yang mencukupi disalurkan oleh institusi kewangan kepada pengurusan risiko keselamatan siber;
- menyediakan panduan praktikal yang mencerminkan landskap teknologi dan model perniagaan yang berubah, dan cukup fleksibel untuk berhadapan dengan ancaman baharu;
- meningkatkan ketegasan penilaian institusi kewangan terhadap ancaman siber dan kualiti maklumat yang digunakan untuk memaklumkan penilaian tersebut;
- memperbaik pelan pemulihan dan luar jangka atau pengaturan kesinambungan perniagaan; dan
- menggalakkan penilaian wajar yang lebih mantap terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang kritikal.

Bagi memastikan pengguna juga dapat melindungi diri daripada ancaman-ancaman siber ini, usaha juga telah dijalankan oleh Bank bersama-sama dengan industri, untuk menggalakkan kesedaran tentang amalan dalam talian yang selamat. Selain mengadakan program pendidikan pengguna secara berterusan, institusi kewangan juga telah meningkatkan usaha memberikan panduan keselamatan perbankan dalam talian di laman sesawang mereka.

Memandangkan kaedah dan alat keselamatan IT sedia ada sentiasa menghadapi ancaman baharu, sektor kewangan perlu terus berwaspada terhadap kelemahan yang mungkin wujud dalam sistem kritikalnya, dan terus mengemas kini pertahanannya serta memperkukuh strateginya untuk menangani dan mengurus risiko siber yang akan dihadapi. Ini termasuk meningkatkan keupayaan pengumpulan maklumat risikan dan juga menggunakan pendekatan yang lebih bersepadu dan terselaras dalam menangani ancaman siber.